Dalam melatih kanak-kanak bagi mendapatkan kejayaan paling maksimum, kemahiran asas sukan iaitu berkaitan dengan kecerdasan fizikal dan kemahiran spesifik sukan perlu diperkuuhkan (Corbin, Welk, Corbin & Welk, 2013; Hermans & Engler, 2010). Seperti juga sebuah bangunan tinggi, pembinaannya perlu dimulakan dengan memperkasakan asas tapak. Semakin kukuh asas tapak maka semakin tinggi bangunan itu boleh dibina. Begitu juga dengan kanak-kanak, semakin kuat kemahiran asas sukan yang dipelajari maka semakin tinggi keberangkalian untuk berjaya (Ahmad Hashim, 2004). Oleh yang demikian, melatih potensi kanak-kanak secara maksimum perlu dilakukan dari usia muda lagi bagi mendapat pulangan yang lumayan. Walaubagaimanapun, melatih diri secara maksimum bukannya bermaksud memerah tenaga melakukan latihan siang dan malam tetapi lebih kepada memulakan latihan dan melibatkan diri secara aktif dalam sukan pada usia seawal 6 tahun (Bompa, 2000).

Menurut Balyi (2002), terdapat beberapa komponen kecerdasan fizikal yang sangat penting untuk dikembangkan dalam peringkat kanak-kanak ini termasuk koordinasi, kelenturan dan juga keseimbangan. Manakala bagi Bompa dan Haff (2009) dan Cote dan Hay (2002) elemen kecerdasan fizikal seperti koordinasi, keseimbangan, ketangkasan dan kuasa adalah perlu dikuasai oleh golongan kanak-kanak agar mereka lebih berpeluang menjadi atlet yang berjaya pada masa akan datang. Selain daripada itu, kanak-kanak juga perlu menguasai beberapa kemahiran spesifik sukan dalam sukan yang ingin diceburi. Contohnya dalam sukan futsal, dua kemahiran yang sangat penting untuk dikuasai adalah hantaran dan juga menggelecek (Hermans & Engler, 2010). Jesteru, latihan seawal usia lagi membantu kanak-kanak dalam melengkapkan diri dengan kecerdasan fizikal dan kemahiran spesifik sukan.

Latihan sukan seawal usia kanak-kanak juga banyak memberikan faedah kepada golongan kanak-kanak. Selain daripada faedah kesihatan (Chang & Etniet, 2009) ia juga dilihat dapat memberikan faedah disiplin diri (White & Oatman, 2009). Menurut Stiehl, Morris, dan Sinclair (2008), latihan sewaktu usia muda membantu seseorang lebih merasa bersaing, berinteraksi dengan individu lain dan juga merasa lebih yakin. Bompa (2000) pula menyatakan bahawa latihan sewaktu kanak-kanak akan memberikan kesan kepada perkembangan asas motor, otot dan juga organ di mana kemahiran asas motor adalah sangat penting sebagai asas permulaan menjadi seorang atlet dan mempengaruhi penglibatan jangka panjang dalam sukan. Kesemua faedah-faedah yang terhasil ini merupakan batu anjakan yang mampu meningkatkan potensi diri seseorang untuk menjadi atlet yang mampu bersaing di arena antarabangsa.

Dalam memperlengkapkan diri dengan kecerdasan fizikal dan kemahiran spesifik sukan, Bompa dan Haff (2009) dan Balyi (2002) telah mencadangkan agar golongan kanak-kanak perlu melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sukan. Ini kerana, melalui penglibatan dalam pelbagai aktiviti ianya mampu memperlengkapkan diri dengan kemahiran asas sukan secara semulajadi. Contohnya, dengan bermain bola tampar akan meningkatkan koordinasi mata dan tangan, bola sepak pula akan meningkatkan daya tahan dan bermain bola keranjang mampu meningkatkan ketangkasan. White dan Oatman (2009) juga menyatakan bahawa penglibatan pelbagai sukan mampu meningkatkan tahap kendiri, memantapkan emosi dan fizikal serta mengelakkan daripada berlakunya keciciran. Aplikasi memperlengkapkan diri dengan sifat atletik ini adalah lebih dikenali sebagai pendekatan Multilateral (Bompa & Haff, 2009).

Pendekatan latihan Multilateral ini merupakan salah satu kaedah latihan bagi golongan kanak-kanak dan remaja yang sesuai dilaksanakan pada umur 6 hingga 15 tahun (Bompa & Haff, 2009). Tujuan utama latihan ini dilakukan adalah untuk menyediakan diri kanak-kanak dengan sifat atletik iaitu persiapan dari segi kemahiran asas sukan dan kecerdasan fizikal di samping menikmati keseronokan dan sentiasa menjadi aktif. Hal ini disokong oleh Balyi (2002) melalui Perkembangan Atlet Jangka Panjang (*Long Term Athlete Development* - LTAD) yang mempunyai kesamaan dengan pendekatan latihan multilateral. Di mana kanak-kanak yang berumur 6 – 16

tahun perlu diberikan asas latihan secara santai tanpa menekankan kepada peningkatan prestasi. Kedua-dua teori ini sepakat menyatakan bahawa kanak-kanak harus berlatih melalui kepelbagaiannya sukan dan secara bermain.

Model yang dihasilkan oleh Bompa dan Haff (2009) dan Balyi (2002) sangat jelas menyatakan bahawa untuk menjadi atlet yang berjaya perlulah memanfaatkan usia kanak-kanak bagi menguasai kemahiran-kemahiran sukan melalui penglibatan dalam pelbagai sukan. Walaubagaimanapun, terdapat pengkaji menyatakan bahawa bagi mencapai potensi maksimum seseorang dalam sukan, pengkhususan awal latihan perlu dilakukan bermula dari kanak-kanak lagi disamping tempoh masa latihan yang panjang diperlukan(Ericsson *et al.*, 1993; White & Oatman, 2009).

Menurut Ericsson *et al.* (1993) elit atlit hanya boleh dicapai hasil daripada latihan berintensiti tinggi dan pengalaman pengkhususan awal latihan sukan. Istilah *praktis spesifik* digunakan bagi menggambarkan jenis latihan sukan pengkhususan awal yang mampu memaksimumkan potensi individu. Latihan ini hanya bertujuan untuk meningkatkan prestasi dimana ia sangat menagih kosentrasi mental dan keupayaan fizikal yang tinggi daripada kanak-kanak. Ericsson *et al.* (1993) juga menjelaskan bahawa kaedah latihan ini tidak mementingkan keseronokan dan juga sosialisasi, perlu dipantau dari masa ke semasa serta memberikan maklum balas kepada kanak-kanak serta merta. Oleh itu, dijangkakan bahawa individu yang melakukan pengkhususan latihan seawal usia kanak-kanak dan jumlah masa latihan yang tinggi akan mempunyai harapan cerah untuk menjadi seorang elit atlet pada masa hadapan.

Sama ada Latihan Multilateral ataupun pengkhususan awal latihan, secara prinsipnya sukan boleh diklasifikasikan melalui perbezaan latihan berdasarkan kepada jenis sukan (Bompa, 2000; Balyi & Hamilton, 1999). Sukan melalui latihan pengkhususan awal bermaksud melaksanakan latihan khusus sejak dari kanak-kanak lagi kerana sukan jenis ini adalah sukan yang memerlukan pengulangan aksi yang sama sepanjang perlawanan. Contohnya, sukan gimnastik dan terjunan. Bompa (2000) menyatakan bahawa kesesuaian umur dalam pengkhususan latihan bagi gimnastik adalah 9-10 tahun dan 9-11 tahun bagi sukan terjun.

Manakala sukan melalui pengkhususan lewat (pengkhususan latihan dilakukan setelah berumur lebih 15 tahun) pula adalah sukan yang bercirikan kepelbagaian kemahiran terutama sekali dalam kebanyakan sukan berpasukan seperti futsal, bola sepak, bola tampar, bola keranjang dan sebagainya (Balyi & Hamilton, 1999; Bompa & Haff, 2009). Sukan berpasukan ini sangat menagih keupayaan kemahiran asas daripada setiap individu agar mereka dapat memainkan sukan berpasukan secara berkesan (Ali, 2011; Hermans & Engler, 2010). Justeru, latihan multilateral yang lebih kepada menguasai kemahiran asas sukan dilihat menjadi pilihan dalam latihan kanak-kanak. Seperti dalam sukan bola sepak, badminton dan bola keranjang pengkhususan latihan dimulakan pada umur 14-16 tahun (Bompa, 2000). Ini bermakna, sebelum mencapai umur 14-16 tahun, kanak-kanak perlu melakukan latihan secara multilateral.

Seperti yang telah dinyatakan, salah satu sukan pelbagai kemahiran yang memerlukan latihan pengkhususan lewat adalah sukan futsal. Sukan futsal yang menyerupai sukan bola sepak dilihat semakin popular di Malaysia merupakan sukan yang sangat menagih keupayaan fizikal, teknikal dan taktikal seseorang atlet (Duarte, Batalha, Folgado, & Sampaio, 2009). Dengan variasi sukan yang memerlukan pelbagai kemahiran seperti kepantasan, ketangkasan, ketahanan, menendang, melompat, menangkap dan sebagainya maka sukan ini perlu diperkenalkan dari usia 6 – 14 tahun.

Benvenuti *et al.* (2010) menjelaskan bahawa saiz gelanggang futsal yang kecil dengan jumlah pemain sebanyak 10 pemain menyebabkan ruang gelanggang yang ada semakin terhad dan ini menagih pemain supaya mempamerkan keupayaan fizikal yang tinggi seperti ketangkasan, keseimbangan, kelenturan, kuasa dan koordinasi dan juga kemahiran spesifik futsal seperti hantaran dan gelecekan (Benvenuti *et al.*, 2010). Memiliki keupayaan kecergasan fizikal dan kemahiran spesifik futsal tersebut dalam kalangan kanak-kanak 13 – 14 tahun adalah sangat mustahak agar mereka dapat beradaptasi dengan keperluan sukan tersebut. Ini kerana, pada ini kanak-kanak akan mengalami proses kematangan yang mempengaruhi adaptasi ke atas latihan sukan. Pada usia yang dikenali sebagai “Peluang Keemasan Adaptasi Latihan” ini, kanak-kanak mudah untuk memahami dan melakukan kemahiran yang dilatih (Malina, Bouchard & Bar-Or, 2004).

RUJUKAN

- Ahmad Hashim. 2004. *Pengukuran Kecergasan Motor*. Tanjung Malim: Quantom Books.
- Ali, A. 2011. Measuring soccer skill performance: a review. *Scandinavian Journal of Medicine and Science in Sports*, **21**(2):170-183.
- Ali, A., Williams, C., Hulse, M., Strudwick, A., Reddin, J., Howarth, L. & McGregor, S. 2007. Reliability and validity of two tests of soccer skill. *Journal of Sport Sciences*, **25**(13):1461-1470.
- Armstrong, N. & Welsman, J. 1993. Training young athletes. Dalam Lee, M (ed.). *Coaching children in sport: Principle and practice*, hlm. 191-203. New York: E&FN SPON.
- Baker, J. 2003. Early Specialization in Youth Sport: a requirement for adult expertise? *High Ability Studies*, **14**:85-94.
- Baker, J., Cote, J. & Abernethy, B. 2003. Learning from the expert: practice activities of expert decision makers in sport. *American Alliance for Health, Physical Education, Recreation and Dance*, **74**(3):342-347.
- Balyi, I. 2002. Long-term Athlete Development: the system and solutions. *Faster, Higher, Stronger*, **14**:6-9.
- Balyi, I. & Hamilton, A. 1999. Long-term planning of athlete development, the training to win phase. *Faster, Higher, Stronger*, **10**:7-9.
- Balyi, I. & Hamilton, A. 2004. Long-Term Athlete Development: Trainability in Childhood and Adolescence. Window of opportunity, Optimal Trainability. Largs 2003: *Scottish Strength and Conditioning Seminar*. May 2003. Largs Scotland.
- Bauman, A. E. 2004. Updating the evidence that physical activity is good for health: An epidemiological review 2000-2003. *Journal Science of Medicine and Sport*, **1**:6-19.
- Benvenuti, C., Minganti, C., Condello, G., Capranica, L. & Tessitore, A. 2010. Agility assessment in female futsal and soccer players. *Medicina*, **46**:415-420.
- Berry, J., Abernethy, B. & Cote, J. 2008. The contribution of structured activity and deliberate play to the development of expert perceptual and decision making skill. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, **30**:685-708.
- Bloom, B. S. 1985. *Developing talent in young people*. New York: Ballantine.
- Bompa, T. O. & Carrera, C. M. 2005. *Periodization Training for Sports* (2nd edition). Champaign IL: Human Kinetics.

- Bompa, T. O. 1999. *Periodization: Theory and Methodology of Training*. Champaign, IL: Human kinetics.
- Bompa, T. O. 2000. *Total Training for Young Champions*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Bompa, T. & Haff, G. G. 2009. *Periodization 5th edition: Theory and Methodology of Training* (5th edition). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Campbell, M., Fitzpatrick, R., Haines, A., Kinmonth, A. L., Sandercock, P., Spiegelhalter, D. & Tyrer, P. 2000. Framework for design and evaluation of complex interventions to improve health. *British Medical Journal*, **321**: 694-696.
- Castagna, C., D'Ottavio, S., Vera, J. G. & Alvarez, J. C. 2009. Match demands of professional futsal: A case study. *Journal of Science and Medicine in Sport*, **12**:490-494.
- Cathey, R. M. 2010. *Retrospective practice histories of expert and novice Baseball pitchers*. Columbia: University of South Carolina
- Chang, Y. K. & Etiet, J. L. 2009. Exploring the does response relationship between resistance exercise intensity and cognitive function. *Journal of Sport and Exercise*, **31**:640-656.
- Chillon, P., Ortega, F. B., Ferrando, J. A. & Casajus, J. A. 2011. Physical fitness in rural and urban children and adolescents from Spain. *Journal of Science Medicine and Sports*, **14**:417-423.
- Chua, Y. P. 2006. *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Chua, Y. P. 2008. *Asas statistik penyelidikan: Analisis data skala ordinal dan skala normal*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Chua, Y. P. 2009. *Kaedah dan statistik penyelidikan: statistik penyelidikan lanjutan*. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw-Hill.
- Chuan, C. L. 2006. Sample size estimation using Krejcie & Morgan and Cohen Statistical power analysis: A comparison. *Journal Penyelidikan IPLB*, **7**:78-86.
- Coakes, S. J. & Ong, C. 2011. *SPSS 18.0 for windows: analysis without anguish*. Milton: John Wiley & Sons Australia Ltd.
- Cohen, J. 1998. *Statistical power analysis for the behavioral science*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Cope, E. J., Bailey, R. & Pearce, G. 2013. Why do children take part in, and remain involved in sport? A literature review and discussion of implications for sports coaches. *International Journal of Coaching Science*, **7**(1):55-74.

- Corbin, C. B., Welk, G. J., Corbin, W. R. & Welk, K. A. 2013. *Concepts of Physical Fitness: Active Lifestyles for Wellness*. New York: McGraw-Hill .
- Cote, J. 1999. The influence of the family in the development of talent in sport. *Sport Psychologist*, **13**:395-417.
- Cote, J. & Hay, J. 2002. Children involvement in sport: A developmental perspective. *Dalam Silva, J. Steven, D. (eds). Psychological Foundation of Sport*, hlm. 484-502. Boston, MA: Allyn and Bacon.
- Cote, J., Baker, J. & Abernethy, B. 2003. From play to practice: a developmental framework for the acquisition of expertise in team sports. *Dalam Starkes, J. L., Ericsson, K. A. (eds). Recent Advances in Research on Sport Expertise*, hlm. 89-110. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Couthino, D. A., Reis, S. C., Concalves, B. S., Silva, A. M., Sampaio, A. J. & Leite, N. M. 2016. Manipulating the number of players and targets in team sports: Small-sided games during Physical Education Classes. *Revista de Psicologia del Dsporte*, **25**(1):169-177.
- Duarte, R., Batalha, N., Folgado, H. & Sampaio, J. 2009. Effet of exercise duration and number of players in heart rate responses and technical skills during futsal small-sided games. *The Open Sports Sciences Journal*, **2**:37-41.
- Enoksen, E. 2011. Drop-out rate and drop-out reasons among promising Norwegian Track and Field athletes: A 25 year study. *Scandinavian Sport Studies Forum*, **2**: 19-43.
- Ericsson, K. A. 2006. The Influence of Experience and Deliberate Practice on the Development of Superior Expert Performance. *Dalam Ericsson, K. A., Charness, N., Feltovich, P. J., Hoffman, R. R. The Cambridge Handbook of Expertise and Expert Performance*, hlm. 685-704. New York, NY: Cambridge University Press.
- Ericsson, K. A., Krampe, R. T. & Tesch-Romer, C. 1993. The role of deliberate practice in the acquisition of expert performance. *Physiological Review*, **10**(3):363-406.
- FIFA. 2004. For a rainy day: A brief history of futsal, <http://www.fifa.com/tournaments/archive/tournament=106/edition=8251/news/newsid=94243.html>.
- FIFA. 2012. Futsal going from strength to strength, <http://www.fifa.com/aboutfifa/footballdevelopment/technicalsupport/futsal/news/newsid=1648941/index.html>.
- Fife-Schaw, C. 2006. Quasi-experimental designs. *Dalam Breakwell, G. M., Hammond, S., Fife-schaw, C. dan Smith, J. A. (eds). Research Methods in Psychology*, hlm. 88-103. London: SAGE Publication.

- Ford, P. R. & Williams, A. M. 2012. The developmental activities engaged in by elite youth soccer players who progressed to professional status compared to those who did not. *Psychology of Sport and Exercise*, **13**:349-352.
- Fraser-Thomas, J., Cote, J. & Deakin, J. 2008. Understanding dropout and prolonged engagement in adolescent competitive sport. *Psychology of Sport and Exercise*, **9**:645-662.
- French, K. E., & McPherson, S. L. 2004. Development of expertise in sport. Dalam Wiess, M. R. (ed). *Developmental sport and exercise psychology: A lifespan perspective*, hlm. 403-423. Morgantown, WV: Fitness Information Technology.
- Gallahue, D. L. & Ozmun, J. C. 2002. *Understanding Motor Development: Infants, Children, Adolescence, Adults* (5th edition). New York: McGraw Hill.
- Glass, G. V. 1997. Interrupted time series quasi-experiments. *Complementary Methods for Research in Education*, **2**:589-608.
- Gokooluck, R. S. 2007. *Physical Education and Sports for Beginners*. Kuala Lumpur: Alam Klasik.
- Gore, C. J. 2000. *Physiological tests for elite athletes*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Gould, D. 2010. Early sport specialization: A psychological perspective. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, **81**(8):33-37.
- Greco, P., Memmert, D. & Morales, J. C. 2010. The effect of deliberate play on tactical performance in Basketball. *Perceptual and Motor Skills*, **110**(3):1-8.
- Gross, R. 2005. *Psychology, The Science of Mind and Behaviour*. London: Hodder & Stoughton.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L. & Black, W. C. 1998. *Multivariate data analysis* (5th edition). New Jersey: Prentice-Hall.
- Harris, A. D., McGregor, J. C., Perencevich, E. N., Furuno, J. P., Zhu, J., Peterson, D. E. & Finkelstein, J. 2006. The use and interpretation of Quasi-Experimental studies in Medical Informatics. *Journal of the American Medical Informatics Association*, **13**(1):16-23.
- Hayman, R., Polman, R., Taylor, J., Hemmings, B. & Borkoles, E. 2011. Development of elite adolescent golfers. *Talent Development & Excellence*, **3**(2):249-261.
- Hermans, V. & Engler, R. 2010. *Futsal: Technique, Tactics, Training*. Aachen: Meyer & Meyer Verlag.
- Hoffman, J. 2006. *Norms for Fitness, Performance and Health*. Champaign IL: Human Kinetics, Inc.

- Huijen, B. C., Elferink-Gemser, M. T., Post, W. J. & Visscher, C. 2009. Soccer skill development in professional. *International Journal of Sports Medicine*, **30**:585-591.
- Huijen, B. C., Elferink-Gemser, M. T., Post, W. & Visscher, C. 2010. Development of dribbling in talented youth soccer players aged 12-19 years: A longitudinal study. *Journal of Sports Sciences*, **28**(7):689-698.
- Jackson, S. L. 2015. *Research Methods and Statistics: A Critical Thinking Approach* (5th edition). Boston: Cengage Learning.
- Jamilah Jamaludin. 1998. *Perkembangan Manusia Dari Janin ke Dewasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanbur, N. O., Duzgun, I., Derman, O. & Baltaci, G. 2005. Do sexual maturation stages affect flexibility in adolescent boys aged 14 years? *The Journal of Sports Medecine and Physical Fitness*, **45**:53-54.
- Khan, K., McKay, H. A., Haapasalo, H., Bennell, K. L., Forwood, M. R., Kannus, P. & Wark, J. D. 2000. Does childhood and adolescence provide a unique opportunity for exercise to strengthen the skeleton? *Journal of Science and Medicine in Sport*, **3**:150-164.
- Krasilshchikov, O. 2013. Effects of short term multilateral and sport specific training on physical fitness profile of Malaysian school children. *International Journal of Research Pedadody and Technology in Education and Movement*, **1**(3):30-42.
- Lang, M. & Light, R. 2010. Interpreting and implementing the Long Term Athlete Development Model: English swimming coaches' views on the (swimming) LTAD in practice. *International Journal of Sport Science & Coaches*, **5**(3):389-420.
- Lopez Minarro, P. A., Ferragut Fiol, C., Alacid Carceles, F., Yuste Lucas, J. L. & Gracia Ibarra, A. 2008. Validity of sit and reach and toe-touch tests in the evaluation of hamstring muscle length in young paddlers. *Apunts*, **43**:24-29.
- Malina, R. M., Bouchard, C., & Bar-Or, O. 2004. *Growth, Maturation and Physical Activity* (2nd edition). Champaign IL: Human Kinetics.
- McCarthy, P. J., Jones, M. V. & Clark-Carter, D. 2008. Understanding enjoyment in youth sport: a developmental perspective. *Psychology of Sport and Exercise*, **9**:142-156.
- McMurray, R. G. 1999. *Concepts in fitness programming*. Boca Raton, Florida: CRC Press.
- Mohd Taib, H., Norlena, S., Norkhalid, S., Yosuf, A. & Zolkifli, A. G. 2012. *HBPE1203 Kecergasan Fizikal*. Selangor: Open University Malaysia.

- Nepfer, J. 1996. *SPAIN '96: Technical Report 3rd FIFA Futsal (Indoor) World Championship*. Zurich: Druckerei Winterthur.
- O'Donoghue, P. 2013. *Statistics for Sport and Exercise Studies: An Introduction*. London: Routledge.
- Ortega, F. B., Ruiz, J. R., Castillo, M. J. & Sjostrom, M. 2008. Physical fitness in childhood and adolescence: a powerful marker of health. *International Journal of Obesity*, **32**:1-11.
- Ostrom, W. 1990. *Time Series Analysis - Regression Techniques* (2nd edition). U.S.A: SAGE Publication.
- Owen, A., Twist, C. & Ford, P. 2004. Small-sided games: the physiological and technical effect of altering pitch sizes and players numbers. *Insight*, **7**(2):50-53.
- Polidoro, L., Bianchi, F., Tore, P. A. & Raiola, G. 2013. Futsal training by video analysis. *Journal of Human Sport and Exercise*, **8**(2):290-296.
- Redondo, J. C., Alonso, C. J., Sedano, S. & De Benito, A. M. 2014. Effects of 12 weeks strength training program on experienced fencers' movement time. *Journal of Strength & Conditioning Research*, **28**(12):3375-3384.
- Rizzo, D. C. 2006. *Fundamentals of Anatomy and Physiology* (2nd edition). United State: Thomson Delmar Learning.
- Roach, R. & Maffulli, N. 2003. Childhood injuries in sport. *Physical Therapy in Sport*, **4**:58-66.
- Rosch, D., Hodgson, R., Peterson, L., Graf-Baumann, T., Junge, A., Chomiak, J. & Dvork, J. 2000. Assessment and evaluation of football performance. *The American Journal of Sports Medicine*, **28**:29-39.
- Rusinah Joned. 2008. *Metodologi Penyelidikan*. Selangor. D.E: Universiti Putra Malaysia.
- Serrano, J., Shahidian, S., Sampaio, J. & Leite, N. 2013. The importance of sports performance factors and training contents from the perspective of futsal coaches. *Journal of Human Kinetics*, **38**:151-160.
- Singer, R. N. & Janelle, C. M. 1999. Determining sport expertise: From genes to extremes. *International journal of Sport Psychology*, **30**:117-150.
- Smith, A. S. 2012. *Retrospective practice histories of division 1 and division 2 female basketball players in the Carolinas*. Columbia: University of South Carolina.
- Stiehl, J., Morris, G. D. & Sinclair, C. 2008. *Teaching Physical Activity: Change, Challenge and Choice*. Champaign, IL: Human Kinetics.

- Stone, M. H., Stone, M. & Sands, W. A. 2007. *Principle and Practice of Resistance Training*. Champaign IL: Human Kinetics.
- Thakur, D. & Motimath, B. 2014. Flexibility and agility among children and adolescent athletes: An observational study. *International Journal of Physiotherapy and Research*, 2(4):653-656.
- Ullrich-French, S. & Smith, A. L. 2009. Social and motivational predictors of continued youth sport participation. *Psychology of Sport and Exercise*, 10:87-95.
- Urena, C. A. 2004. *Skill acquisition in ballet dancers: the relationship between deliberate practice and expertise*. Florida: Florida State University.
- White, J. & Oatman, D. 2009. Does specializing in team sports during childhood translate into a college athletic career. *Missouri Journal of Health, Physical Education, Recreation and Dance*, 19:20-24.
- Wilmore, J. H., Costill, D. L. & Kenny, W. L. 2008. *Physiology of Sport and Exercise* (4th edition). Champaign, IL: Human Kinetics.